



**KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u><b>IPU Sri Aman, Rompin sangat tidak sihat</b></u>	Kosmo!	Rujuk lampiran 1
2.	<u><b>Will DOE learn from mistakes?</b></u>	The Sun Daily	Rujuk lampiran 2
3.	<u><b>Air quality worsens slightly in the country</b></u>	The Star	Rujuk lampiran 3
4.	<u><b>Top Glove lancar sarung tangan biohijau</b></u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 4
5.	<u><b>MR. D.I.Y optimis capai sasaran buka 550 premis</b></u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 5
6.	<u><b>Tutup laluan tikus elak buang sisa toksik</b></u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 6
7.	<u><b>Tunku Ismail: Segera atasi pencemaran</b></u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 7

**TEMPATAN**

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
8.	<u><b>'Loji nadir bumi Lynas bukan Chernorbyl'</b></u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 8
9.	<u><b>Kerajaan negeri diminta gesa Pusat percepat lulus lombong bauksit</b></u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 9
10.	<u><b>Kerajaan berhati-hati sebelum perbaharui lesen Lynas</b></u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 10



Akbar Tempatan

11.	<u>20 sekeluarga lari rumah bergegar</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 11
12.	<u>Kampung Lembaga, Gua Musang dilanda ribut kuat Atap rumah terbang</u>	Kosmo!	Rujuk lampiran 12
13.	<u>Lesen operasi kilang Lynas diperbaharui kerana ia tidak bahaya ikut laporan pakar, saintis</u>	Kosmo!	Rujuk lampiran 13
14.	<u>'Beliau boleh berdakwah, tetapi...'</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 14
15.	<u>Penduduk yakin Lynas penuhi kriteria ditetapkan</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 15
16.	<u>500 bantah kerajaan lanjut lesen operasi</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 16
17.	<u>Rompin sangat tidak sihat selepas Sri Aman</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 17
18.	<u>Rompin, Sri Aman catat IPU sangat tidak sihat</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 18
19.	<u>Air dua sungai hitam, berbuih</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 19
20.	<u>Dr M: Govt will go with expert view</u>	The Star	Rujuk lampiran 20
21.	<u>Balok residents confident Lynas will fulfil govt conditions</u>	The Star	Rujuk lampiran 21
22.	<u>Police to call in Rally Organisers</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 22
23.	<u>Lynas plant is not Chernobyl, says prime minister</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 23



## ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
24.	<u>Iceland commemorates first glacier lost to climate change</u>	The Sun Daily	Rujuk lampiran 24



**LAMPIRAN 1**  
**KOSMO! (NEGARA): MUKA SURAT 15**  
**TARIKH: 19 OGOS 2019 (ISNIN)**

## IPU Sri Aman, Rompin sangat tidak sihat

**KUALA LUMPUR** – Bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di Sri Aman masih berada pada tahap sangat tidak sihat dengan bacaan 254 setakat pukul 4 petang semalam.

Menurut data yang dikeluarkan Jabatan Alam Sekitar (JAS), IPU di Sri Aman naik kepada bacaan 262 daripada 252 yang dicatatkan pada pukul 9 pagi.

IPU di Stesen Pengawasan Udara Automatik di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Miri menca-  
tat sedikit peningkatan dan masih berada dalam kategori sangat tidak sihat. Bacaan IPU di ILP Miri pula meningkat kepada 221 pada pukul 4 pe-  
tang semalam daripada IPU 220 pada pagi.

Bacaan IPU di SK Baram 2 juga menunjukkan peningkatan daripada IPU 118 pada sebelah pagi kepada 19 pada sebelah petang yang dikategorikan sebagai tidak sihat.

Sementara itu, bacaan IPU di Rompin, Pahang juga menunjukkan peningkatan daripada IPU 219 pada sebelah pagi dan bacaan 223 sehingga pukul 4 petang semalam yang dikategorikan sebagai sangat tidak sihat.

Bacaan IPU 0-50 menunjukkan kualiti udara sihat; 51-100 sederhana, 101-200 tidak sihat, 201-300 sangat tidak sihat dan melebihi 300 adalah berbahaya.

Orang awam boleh merujuk laman web JAS di <http://apims.doe.gov.my/> atau memuat turun aplikasi telefon pintar, MyIPU di Google Play bagi mendapatkan bacaan IPU terkini pada setiap jam.



## LAMPIRAN 2

### THE SUN DAILY (NEWS WITHOUT BORDERS): MUKA SURAT 13

#### TARIKH: 19 OGOS 2019 (ISNIN)

#### Will DOE learn from mistakes?

WHAT will we teach our children and decedents about pollution and its impact to humans and other living organisms? Science had strings of proves that unproved earlier "science" or rather beliefs. World used to be flat. This is science. It evolves and gives better understanding and solutions for humans to manage the damages they caused with technological development over the years.

It took almost 60 years to find out leaded petrol actually causes serious harm to children's health while lead (heavy metal) was helping with better engine performance. To protect the growth of children, we shifted to unleaded petrol.

However, blaming bird droppings may have caused Pasir Gudang pollution incidents are a bit off tangent. Birds have been excreting since they exist. Is Batu Caves many areas with pigeons and migratory birds are dangerous location? A media friend asked me, these birds have no owner so how the parents are going to take legal action?

This type of reasoning is exactly what Albert Einstein have said about stupidity, it has no limitation just like the universe.

Let us ponder why does pollution occur? Industries that produce hazardous chemical wastes must treat these wastes and dispose them according to the existing law. The higher the toxicity, the higher the treatment cost. There are also waste handling companies licensed by Department of Environment (DOE). We must remember that DOE is the leading agency when it comes to pollution. To optimise profit some irresponsible parties may deploy shortcuts and this leads to discharging waste into rivers and dumping illegally in remote locations like disused mining pools, forest areas as well as burying.

Therefore, such an action will pollute both surface and groundwater which will eventually enter our food chain. The modus operandi for discharging in river are very common, rainy days are the best to "flush" the evidence.

Similarly, when the chemicals are identified we can immediately link to origin. Because chemical reactions are straight forward and the probabilities can be estimated. You can narrow down culprits faster. Certainly, in the Pasir Gudang case, bird's excretion does not produce methyl mercaptan, acrylon and acrylonitrile in large quantities to impact a huge area. Why the authorities were combing the whole chemical factories in Pasir Gudang? Didn't that make them look silly while issuing obtuse statements?


Let's look at simple steps to deter pollution:

- ① DOE must work with local government to shut down illegal factories and no grace period should be allowed. Blacklist the owners of the illegal factories in a national database.
- ② DOE must work with local authorities to identify nature of business entities that are licensed. This will be able to assist DOE to create database to categorise the potential pollution risk from each type of operation.
- ③ The supply chain of hazardous chemicals used in the industrial process and potential by-products that is part of hazardous chemicals can be integrated with the same database. This will assist in identifying potential source of pollution.

Sadly, these are not the new solutions we are putting forward. Will DOE learn from its mistakes? Or is DOE still pursuing its insane "self-regulation" solution?

The article was contributed by Piarapakaran S, president of the Association of Water and Energy Research Malaysia (Awer), a non-government association involved in research and development in the fields of water, energy and environment.

**LAMPIRAN 3**  
**THE STAR (NATION): MUKA SURAT 8**  
**TARIKH: 19 OGOS 2019 (ISNIN)**



Hazy view: The city skyline blanketed by thick smog as seen on the MEX highway in Kuala Lumpur. — RAJA FAISAL HISHAN/The Star

# Air quality worsens slightly in the country

Haze not improving as Rompin gets 'very unhealthy' grading

By ASHLEY TANG  
newsdesk@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** The air quality in Peninsular Malaysia has worsened slightly with Rompin in Pahang. Air Pollutant Index (API) readings jumping from "unhealthy" to "very unhealthy" zone.

According to Department of Environment (DoE) data, the API recorded in Rompin was at 223 as at 4pm, yesterday.

On Saturday, Rompin's API was "unhealthy" at 125.

Conditions in Kuala Lumpur remained at moderate levels during the weekend, with the API at between 65 and 67.

In Selangor, Johan Setia saw a slight increase in the API readings.

The reading recorded was at 95 compared to 92 on Saturday. Other areas in Selangor such as in Banting (82), Petaling Jaya (81), and Shah Alam (83) maintained its "moderate" API readings.

Other places nationwide such as in Negeri Sembilan, Johor, Perak, Penang, Kelantan and Terengganu recorded "moderate" API levels.

Meanwhile, in Sarawak, Sri Aman posted an API reading of 252 and generally the haze situ-

tion here and in Miri is still bad. The API reading worsened compared to Saturday which was at 247.

The air quality in SK Kuala Barat 2 station and the Miri Industrial Training Institute station both improved.

SK Kuala Barat 2 station recorded an API reading of 80 from 119, while the Miri Industrial Training Institute station recorded a reading of 161 from 222.

As of yesterday morning, the DoE recorded one "hot spot" (forest fire) in Sarawak.

An API reading of between 0 and 50 is good, while 51 to 100 is moderate, 101 to 200 is unhealthy, 201 to 300 very unhealthy, and 301 and above is deemed hazardous.

The public can also refer to the Department of Environment (DoE) website at or by downloading the MyIPU smartphone app on "Google Play" to get hourly API readings.

According to the Asean Specialised Meteorological Centre (ASMC) weather and haze outlook posted on Saturday at 6.25pm, it noted that hotspot activities in Sumatra and Kalimantan are likely to persist in the country.

ASMC's satellite monitoring system has also indicated in recent times that open burning is also coming from that direction.

**LAMPIRAN 4**  
**HARIAN METRO (BISNES): MUKA SURAT 30**  
**TARIKH: 19 OGOS 2019 (ISNIN)**

## Top Glove lancar sarung tangan biohijau

**Shah Alam:** Top Glove Corporation Bhd memperkenalkan produk sarung tangan biohijau, *Biodegradable Nitrile* berikutan permintaan tinggi daripada pasaran global, khususnya dalam sektor kesihatan.

Pengerusi Eksekutifnya, Tan Sri Dr Lim Wee Chai berkata, ketika ini Top Glove mengeluarkan 50 peratus produk sarung tangan biohijau dan tidak menolak kemungkinan peratusan itu akan terus dipertingkatkan.

"Kami percaya kelestarian alam sekitar tidak boleh dipisahkan daripada perniagaan yang mapan dan menyediakan yang menjadi tanggungjawab memberi impak positif kepada dunia," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian produk sarung tangan itu serta majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Mr DIY Group

**Witnessed by:  
AN YEO BEE YIN, MINISTER**



YEONG (dua dari kiri) bersama Dr Lim (tiga dari kiri) dan Pengurus  
Mr DIY, Datuk Azlam Shah Alias.

Bhd dan WWF Malaysia di sini.

Majlis dirasmikan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin.

Sementara itu, Wee Chai berkata, Top Glove mensasarkan pertumbuhan pendapatan dua angka bagi tahun kewangan 2020, berdasarkan pertumbuhan per-

mintaan dalam industri sarung tangan sebanyak 10 peratus setahun dan mempunyai potensi untuk terus berkembang.

Beliau berkata, sejak penyeraian kumpulan pada 2001, kadar pertumbuhan tahunan pendapatan selepas cukainya meningkat sekitar 21 peratus.

Katanya, tahun kewangan

2020 dilihat mampu memberi prospek lebih positif kepada jualan produknya, sekaligus mengukuhkan lagi kedudukan syarikat sebagai pengeluar sarung tangan.

"Pertumbuhan kukuh pada tahun kewangan akan datang membolehkan kami mencapai sasaran penguaan pasaran dalam pengeluaran sarung tangan global sebanyak 30 peratus pada tahun hadapan berbanding 26 peratus ketika ini.

"Selain itu, pengenalan produk baharu serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) berterusan kumpulan yang menumpukan kepada produk mesra alam akan turut membantu sasaran itu. Kumpulan juga memperuntukkan RM60 juta perbelanjaan modal bagi pelaburan R&D bagi menghasilkan produk yang mesra alam seiring dengan kehendak global," katanya.

**LAMPIRAN 5**  
**BERITA HARIAN (BISNES): MUKA SURAT 23**  
**TARIKH: 19 OGOS 2019 (ISNIN)**

# MR.D.I.Y optimis capai sasaran buka 550 premis

Syarikat, Top Glove jalin kerjasama jadi rakan jualan sarung tangan

Oleh Alzahrin Alias  
zahrin@bh.com.my

Peruncit perkakas rumah terbesar, MR.D.I.Y (M) Sdn Bhd, (MR.D.I.Y) menjangka mencapai sasaran memiliki 550 cawangan jenama itu di Malaysia menjelang hujung tahun ini.

Pengerusi MR.D.I.Y, Datuk Azlam Shah Alias, berkata sasaran itu berdasarkan permintaan dan peningkatan jumlah pelanggannya yang kini mencecah sehingga tujuh juta orang setiap bulan.

“Secara keseluruhan, kami menyasarkan pembukaan 550 cawangan bagi tahun ini di Malaysia untuk terus mengukuhkan kedudukan syarikat di pasaran negara ini,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Top Glove Corporation Bhd di Shah Alam, baru-baru ini.

MR.D.I.Y akan menjadi rakan jualan kepada Sarung Tangan Nitril Biodegradasi Mesra Alam (Bebas Serbuk) Biogreen keluaran Top Glove.

Mengulas kerjasama itu, Azlam berkata ia membantu MR.D.I.Y menyokong inisiatif ekohijau dan produk mesra alam



**Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin (dua dari kiri)** bersama Pengerusi Eksekutif Top Glove Berhad, Tan Sri Dr Lim Wee Chai (dua dari kanan) dan Azlam (kanan) pada majlis menandatangani MoU dengan Top Glove Corporation Bhd di Shah Alam, baru-baru ini. (Foto Roslin Mat Tahir /BH)

dalam kalangan rakan niaganya.

Beliau berkata, MR.D.I.Y sentiasa menyokong produk mesra alam yang mempunyai kualiti terbaik dan didatangkan dalam harga mampu milik.

“Kami terbuka untuk kerjasama sebegini kerana ia sebahagian daripada tanggungjawab sosial dalam memberikan yang terbaik kepada pelanggan,” katanya.

Ditanya mengenai rancangan MR.D.I.Y untuk melancarkan tawaran awam awal (IPO) tahun ini, Azlam bagaimanapun enggan mengulas mengenai perkara itu.

Beliau berkata, ia akan dipu-

tuskan oleh pengurusan tertinggi dan tidak mahu memberikan sebarang kenyataan berhubung perkara itu.

Beberapa laporan berita awal tahun ini menyatakan MR.D.I.Y merancang untuk melancarkan IPO yang dapat mengumpul antara RM1.5 bilion dan RM2.1 bilion pada suku keempat tahun ini.

MR.D.I.Y antara peruncit perkakas rumah terbesar negara dengan sasaran pembukaan sebanyak 100 cawangan setahun dan perancangan IPO itu dilihat berada dalam landasan yang tepat.


Tahun lalu, MR.D.I.Y mencatatkan keuntungan bersih seba-

nyak RM300 juta dan perolehan RM1.8 bilion dan memberi perkhidmatan kepada lebih tujuh juta pelanggan sebulan menerusi cawangannya serta platform dalam talian.

Pada masa ini, MR.D.I.Y memiliki cawangan di rantau Asia Pasifik membabitkan negara seperti Malaysia, Thailand, Brunei, Singapura, Filipina, India dan Indonesia.

Sebuah cawangan MR.D.I.Y pada masa ini diuruskan sendiri oleh syarikat berkenaan dengan kerjasama peruncit besar dan pemilik pusat beli-belah yang terabit.

## LAMPIRAN 6

UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 4  
TARIKH: 19 OGOS 2019 (ISNIN)

KETUA Kampung, Othman Adon menunjukkan keadaan air sungai yang hitam dan berbau di Sungai Daing, Kampung Perigi Acheh. - UTUSAN/NUR AISYAH MAZALAN

# Tutup laluan tikus elak buang sisa toksik

Oleh ZULHISHAM ISAHAK  
pengarang@utusan.com.my

■ PASIR GUDANG 18 OGOS

PENDUDUK Kampung Perigi Acheh di sini yang sudah lama menjadi mangsa pencemaran memohon pihak berkenaan menutup dua laluan tikus ke Sungai Daing dan Sungai Kopok kerana dijadikan tempat pembuangan pelbagai sisa industri termasuk bahan-toksik sejak beberapa tahun lalu.

Menurut mereka, dua jalan tikus berkenaan dipercayai menjadi tempat pembuangan sisa industri terutama dari 20 kilang berdekatan kampung itu sejak sekitar lama kerana laluanannya sunyi dan sukar dikesan kerana ditutup belukar.

Terbaharu lebih 100 kampit sisa buangan kilang dipercayai bahan toksik ditemukan di satu laluan tikus berhampiran Sungai Daing, kelmarin.

Penemuan bahan buangan itu mengakibatkan pencemaran terbaru sekali gus membimbangkan 532 penduduk kampung itu kerana ia menghasilkan bau busuk selain air sungai bertukar menjadi kotor, keruh serta ikan turut mati.

Ketua Kampung Perigi Acheh, Othman Adon berkata, bahan buangan terbaru itu dilonggarkan di laluan tikus ke Sungai Daing dalam kampit yang berbagai saiz termasuk disikan dalam botol.

"Mereka membuang sisa kilang itu dipercayai pada waktu malam di salah satu daripada dua laluan tikus di kampung ini," katanya.

"Mereka membuang sisa kilang itu dipercayai pada waktu malam di salah satu daripada dua laluan tikus di kampung ini dan laluan itu berakhir di Sungai Daing sebelum airnya mengalir masuk ke Sungai Kopok."

OTHMAN ADON

dan laluan itu berakhir di Sungai Daing sebelum airnya mengalir masuk ke Sungai Kopok.

"Keadaan ini menjadikan air sungai menjadi busuk dan warnanya hitam pekat. Siasatan perlu dilakukan kerana terdapat kira-kira 20 kilang dengan jarak begitu hampir dengan kampung ini," katanya ketika ditemui di kampung berkenaan hari ini.

Othman turut mendakwa, terdapat empat nama kilang tertera pada kampit yang ditemukan itu dan susulan itu dua laporan dibuat di Balai Polis Pasir Putih kelmarin dan Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Seri Alam pada pagi ini.

Jelasnya, laporan tersebut but menggesa polis dan pihak berkaitan melakukan siasatan kerana sehingga kini bahan-bahan buangan berkenaan masih dibiarkan di kawasan itu.

Semalam Utusan Malaysia

mendedahkan pencemaran terbaru dikesan di Sungai Daing dan Sungai Kopok di sini sejak lebih seminggu lalu berikutan airnya yang berbau busuk selain warnanya bertukar hitam dan kelabu.

Ujar Othman, pencemaran di kampung tersebut sebenarnya sudah berlurut sejak sekitar lama tetapi sejak April lalu keadaan bertambah teruk terutama dengan penemuan terbaharu.

Dalam pada itu kerajaan negeri akan melakukan pemeriksaan terhadap semua industri berhampiran kawasan Sungai Daing dan Sungai Kopok dalam usaha mengesan pihak yang melakukan pencemaran itu.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar, Tan Chen Choon berkata, langkah itu bagi mencari dalang untuk memastikan industri mematuhi standard prosedur operasi mengikut piawaian di bawah Akta Kualiti Alam Sekelelim 1974.

"Langkah tersebut diputuskan setelah melihat sendiri kualiti air sungai berkenaan pada pagi ini bersama Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Ahli-Ahli MPPG, pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Perikanan Malaysia Johor dan SWCorp Negeri Johor.

"Penilaian kualiti air dilakukan setelah ukuran secara insitu dibuat pihak JAS dalam tinjauan pada pagi tadi," katanya dalam satu kenyataan.



## LAMPIRAN 7

UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 4  
TARIKH: 19 OGOS 2019 (ISNIN)

# Tunku Ismail: Segera atasi pencemaran

**PASIR GUDANG 18 Ogos** - Pemangku Raja Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim memandang serius isu pencemaran dan penyalahgunaan air di negeri ini dan mahu kerajaan negeri mengambil tindakan untuk pulihkan sumber air daripada pencemaran.

Pada masa sama, Tunku Ismail meminta kerajaan negeri supaya menguruskan air dengan lebih baik serta mendidik rakyat mengenai kesedaran terhadap penggunaan air.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Taklimat Berkaitan Sumber Air dan Pengurusan Sungai Negeri Johor di Bilik Gerakan, Bangunan Dato' Jaafar Muhammad di Kota Iskandar dekat sini yang dimuat naik dalam Facebook Sultan Ibrahim Sultan Iskandar.

Dalam pada itu Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Perigi Acheh di sini akan menyerahkan memorandum pada Rabu ini berkenaan cadangan dan tuntutan kepada kerajaan negeri serta pihak

berkaitan untuk menangani masalah pencemaran sisa industri yang dibuang di Sungai Daing dan Sungai Kopok.

Pengerusi MPKK Perigi Acheh, Othman Adon berkata, terdapat lapan tuntutan yang perlu diberi perhatian terutama Jabatan Alam Sekitar (JAS), Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), Jabatan Pengairan dan Saliran (JAS) dan Jabatan Perikanan Johor.

Beliau berkata, pihaknya menggesa pihak berkuasa untuk mewajibkan kilang berhampiran melepaskan air yang sudah dirawat sahaja ke dalam sungai selain pemanfaatan perlu dilakukan.

Menerusi memorandum itu juga katanya, digesa pihak berkenaan merawat dan menghidupkan semula Sungai Daing yang telah mati dan teruk tercemar.

Selain itu katanya, pihak berkuasa harus mengadakan satu sesi *town hall* di kampung itu bagi mencari jalan penyelesaian masalah itu.



**LAMPIRAN 8**  
**BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 2**  
**TARIKH: 19 OGOS 2019 (ISNIN)**

## ‘Loji nadir bumi Lynas bukan Chernobyl’

**Kuala Lumpur:** Tun Dr Mahathir Mohamad berkata kumpulan pakar berkaitan sudah memeriksa loji nadir bumi Lynas Malaysia Sdn Bhd (Lynas Malaysia) di Gebeng, Kuantan dan mendapati ia tidak menimbulkan bahaya.

Walaupun begitu, Perdana Menteri berkata, kritikan dan bantahan terhadap operasi loji berkenaan tetap berterusan, sekaligus memberi kesukaran kepada kerajaan untuk membuat keputusan.

“Mereka (pengkritik) kata bahaya, tapi laporan (pakar) mengatakan ia tidak berbahaya. Jadi sangat sukar bagi kerajaan buat keputusan. Ini bukan Chernobyl, ia tidak akan menjadi berbahaya,” katanya kepada media selepas perasmian Kongres Statistik Dunia Institut Statistik Antarabangsa (ISI) ke-62, di sini semalam.

Perdana Menteri yang merujuk tragedi Chernobyl di Ukraine pada 1986, iaitu kemalangan loji jana kuasa nuklear terburuk dunia, berkata rakyat akan sentiasa mempunyai sesuatu yang mereka tidak persetujui dan kerajaan tidak boleh selalu mengambil pandangan popular.

“Setiap kali kami (kerajaan) ingin mencadangkan sesuatu yang baharu, orang akan menentang. Ingat ketika kita mahu bina Jambatan Pulau Pinang? Banyak tantangan terhadapnya, sekarang mereka (Pulau Pinang) mempunyai jambatan kedua dan mahu bina terowong pula,” katanya.

Dr Mahathir menegaskan, pakar mendapati tidak ada bahaya besar bahan radioaktif dari loji Lynas di Gebeng dan kerajaan akan memastikan sisa nadir bumi dari situ tidak tersebar se-wenang-wenangnya.

**LAMPIRAN 9**  
**BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 19**  
**TARIKH: 19 OGOS 2019 (ISNIN)**

## Kerajaan negeri diminta gesa Pusat percepat lulus lombong bauksit

**Kuantan:** Kerajaan negeri diminta campur tangan bagi menggesa kerajaan Pusat mempercepatkan kebenaran aktiviti melombong bauksit di FELDA Bukit Goh, Kuantan dan Rancangan Tanah Pemuda (RTP), di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Lembing, Datuk Md Sohaimi Mohamed Shah, berkata keputusan itu sepatutnya di putuskan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) pada pertengahan bulan ini, namun sehingga kini, masih belum menerima sebarang kata putus.

“Saya minta kerajaan negeri campur tangan untuk dipercepatkan kebenaran melombong bauksit ini kerana kalau tidak, akan ada masalah kepada pemilik tanah sebab sudah lama tertangguh.

“Saya ada dengar aktiviti perlombongan bauksit di Kota Tinggi sudah bermula dan kalau di sana tidak ada masalah, kenapa di sini tidak boleh diteruskan? Malah, prosedur operasi standard (SOP) di Gebeng dan Sungai Karang sudah pun diluluskan, cuma, di sini (FELDA Bukit Goh) saja belum,” katanya.

Beliau berkata, keputusan daripada KATS itu penting bagi menentukan hala tuju perlombongan di dua kawasan terbabit yang dilihat mampu menjana pendapatan ekonomi negeri.

Katanya, pihaknya terpaksa melakukan beberapa perancangan jangka pendek dan panjang bagi membantu peneroka yang terbabit dengan aktiviti perlombongan itu termasuk menubuhkan Pertubuhan Gagasan Dua Generasi Kuantan Pahang.

“Pertubuhan ini baru diluluskan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) pada 8 Ogos lalu. Tujuannya, bagi membantu peneroka terutama dari segi insurans, pendidikan anak peneroka dan kesihatan.

“Selain itu, kita juga sedang mengumpul surat perjanjian yang dibuat antara peneroka dengan pelombong untuk pegum yang kita lantik menyemak bagi menjamin masa depan peneroka, kerana ada peneroka yang mempunyai dua perjanjian dengan perlombongan yang berbeza. Jadi, kita nak tahu status tanah mereka,” katanya.

Md Sohaimi yang ditemui semalam pada sesi taklimat hala tuju peneroka yang terbabit bauksit di FELDA Bukit Goh di sini, berkata terdapat lebih 300 peneroka yang terbabit perjanjian dengan pelombong, namun, setakat ini hanya tujuh peneroka sudah menyerahkan surat perjanjian itu.



**LAMPIRAN 10**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 7**  
**TARIKH: 19 OGOS 2019 (ISNIN)**

Kuala Lumpur

### **Kerajaan berhati-hati sebelum perbaharui lesen Lynas**

Kerajaan dilihat sangat berhati-hati dan mengambil kira pelbagai faktor sebelum membuat keputusan memperbaharui lesen pengoperasian kilang pemprosesan nadir bumi, Lynas Malaysia Sdn Bhd di Gebeng, Kuantan selama enam bulan.

Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi Lynas Advance Material Plants (LAMP) Prof Datuk Dr Mazlin Mokhtar berpendapat syarat dikenakan terhadap kilang itu sebagai langkah kerajaan untuk mengurangkan risiko pendedahan bahan radioaktif yang wujud semula jadi kepada penduduk tempatan.

“Kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad mengambil keputusan untuk bergerak ke hadapan dengan membenarkan

pengoperasian kilang ini, satu usaha pelaburan yang istimewa dan strategik membabitkan penjanaan peluang kepada rakyat tempatan.

“Ia juga berpotensi meletakkan Malaysia sebagai negara berkecimpung dalam perkhidmatan industri berteknologi tinggi pada masa depan kerana kilang di Gebeng ini satu-satunya kilang memproses nadir bumi yang berada di luar China.

“Berdasarkan syarat dikenakan itu, kerajaan dilihat mengambil langkah amat berhati-hati apabila meminta syarikat Lynas mengemukakan perancangan terperinci bagi pembinaan kemudahan *Cracking and Leaching* di luar negara,” katanya ketika dihubungi, semalam.

- Bernama

**LAMPIRAN 11**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 6**  
**TARIKH: 19 OGOS 2019 (ISNIN)**

## 20 sekeluarga lari rumah bergegar


**Gua Musang:** Keadaan rumah yang bergegar secara tiba-tiba menyebabkan 20 sekeluarga bertempiaran lari menyelamatkan diri dalam kejadian ribut di Kampung Tembaga, malam kelmarin.

Kejadian jam 7.20 malam itu menyebabkan bumbung kediaman mereka diterbangkan angin, selain tiang elektrik berhampiran nyaris tumbang menghempap rumah berkenaan.

Kediaman diduduki Wan Napisah Wan Jaafar, 35, bersama 19 ahli keluarga lain antara empat rumah yang rosak di bahagian bumbung akibat kejadian ribut itu.

Wan Napisah berkata, ketika kejadian dia bersama ahli keluarga lain sedang berehat di ruang tamu sebelum mendengar bunyi angin kuat.

Katanya, secara tiba-tiba rumahnya bergegar sebelum mengarahkan semua ahli keluarga keluar menyelamatkan diri kerana bimbang berlaku kejadian tidak dingini.



“Ketika itu, kami belum sedar sebahagian atap rumah sudah diterbangkan angin, selepas 15 minit kemudian baru kami menyedarinya.

“Bagaimanapun, kami bersyukur kerana semuanya selamat dan terus menghubungi Tenaga Nasional Bhd (TNB) bagi melaporkan berlaku percikan api pada tiang elektrik berdekatan rumah,” katanya di rumahnya, se-

malam.

Ibunya, Zaiyah Aris, 67, berkata, ketika kejadian dia sedang menghiris daging di luar bahagian dapur rumahnya untuk persiapan memasak makan malam.

Katanya, apabila terdengar jeritan supaya lari menyelamatkan diri, dia terus berlari mengikut ahli keluarga lain tanpa mengetahui perkara sebenar yang berlaku.

**LAMPIRAN 12**  
**KOSMO! (NEGARA): MUKA SURAT 12**  
**TARIKH: 19 OGOS 2019 (ISNIN)**

Kampung Lembaga, Gua Musang dilanda ribut kuat

# Atap rumah terbang

Oleh AIMUNI TUAN LAH

**GUA MUSANG** — Seramai 40 ahli keluarga lari bertempiaran cuba menyelamatkan diri selepas terkejut melihat bumbung rumah mereka diterbangkan angin dalam kejadian ribut di Kampung Lembaga di sini semalam.

Kejadian pada pukul 7.20 malam itu melibatkan lima buah rumah yang juga hampir terbakar kerana berlaku percikan api pada tiang elektrik.

Seorang mangsa, Wan Napisah Wan Jaafar, 35, berkata, ketika kejadian, dia bersama ahli keluarga sedang berehat di ruang tamu rumahnya dan terdengar bunyi angin kuat.

Katanya, tiba-tiba rumahnya bergegar kuat sebelum dia menyuruh kesemua ahli keluarganya keluar menyelamatkan diri menerusi pintu dapur.

“Ketika itu hanya ribut dan lima minit kemudian disusuli dengan hujan renai.

“Bagaimanapun, kami bersyukur kerana semuanya selamat. Saya



WAN NAPISAH menunjukkan atap rumahnya yang diterbangkan angin dalam kejadian ribut di Kampung Lembaga, Gua Musang semalam.

terus menghubungi Tengaga Nasional Bhd. selepas melihat terdapat api yang keluar daripada sambungan dawai di sebatang tiang elektrik dekat rumah,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Sementara itu, ibunya, Zaiyah Aris, 67, pula berkata, dia yang ketika

itu berada di dapur terkejut selepas bunyi jeritan anaknya terus bergegas lari keluar rumah tanpa mengetahui perkara sebenar yang berlaku.

“Saya tidak tahu apa sebenarnya terjadi, hanya ikut anak saya lari keluar rumah. Saya bersyukur ahli keluarga selamat. Se-

lain rumah kami, empat lagi rumah di kampung ini mengalami kerosakan bumbung.

“Setakat ini bumbung yang tercabut belum dibaiki dan laporan akan dibuat di pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat Gua Musang dalam masa terdekat ini,” jelasnya.

**LAMPIRAN 13**  
**KOSMO! (NEGARA): MUKA SURAT 4**  
**TARIKH: 19 OGOS 2019 (ISNIN)**

Lesen operasi kilang Lynas diperbaharui kerana ia tidak bahaya

# Ikut laporan pakar, saintis

**K**UALA LUMPUR – Kerajaan tetap berpegang kepada keputusan berhubung pembaharuan lesen operasi kilang nadir bumi, Lynas Malaysia Sdn. Bhd., dan akan mengikut pandangan pakar serta saintis yang memahami mengenai bahaya sisa radioaktif.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohammad berkata, kerajaan tidak boleh selalu mendengar pandangan popular terutamanya apabila ada segelelir pihak yang menggunakan media alternatif untuk menyuarakan idea mereka sehingga siapapun yang menentang akan dikecam.

“Sekarang saya mahu mengikut apa yang dilaporkan oleh pakar. Jika ia merupakan bahan sangat berbahaya, maka kita tentu akan menyelesaikannya tetapi laporan itu mengatakan



DR. MAHATHIR meluangkan masa meramandu uji kereta Proton Saga 2019 yang dilancarkan awal bulan lalu.

bahawa (ia) tidak berbahaya. Sisa diletakkan di satu tempat sahaja.

“Mungkin terdapat satu perumpuan. Kita bersedia untuk menyuraukannya tetapi kita tidak boleh eksport kerana tiada siapa

yang mahu menerimanya dan kita tidak boleh membuangnya ke laut juga kerana ikan akan mati.

“Jika betul, kita mahu mengikut pandangan pakar,” kata beliau selepas merasmikan Kongres

Perangkaan Dunia ke-62 anjuran International Statistical Institute (ISI) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini semalam.

Terdahulu, Dr. Mahathir meluangkan masa memandu uji Proton Saga 2019 yang baharu dilancarkan awal bulan lalu yang kini diberi sentuhan rekaan terkini sesuai untuk golongan sasar.

Hantaran video berdurasi 41 saat di laman sosial Twitter miliknya menunjukkan beliau memandu sendiri kereta Proton Saga versi terkini itu selepas mendengar penerangan mengenai spesifikasi dan fungsi yang terdapat pada kereta nasional keluaran terbaru itu.

“Memandu pada hari Ahad bersama Proton Saga MC 2019,” katanya pada hantaran di laman sosial Twitter milik beliau iaitu @chedetofficial yang mendapat lebih tiga ribu tanda suka.

**LAMPIRAN 14**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 12**  
**TARIKH: 19 OGOS 2019 (ISNIN)**

# ‘Beliau boleh berdakwah, tetapi...

BERNAMA

Kuala Lumpur

**P**erdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, pendakwah Dr Zakir Naik bebas mengajar dan bercakap mengenai Islam, tetapi tidak mengenai politik perkauaman yang boleh mengganggu dan merosakkan kebaikan dan ketenteraman rakyat Malaysia.

“Kita tidak mahu menyekatnya daripada bercakap mengenai agama dan perkara yang benar, tetapi jelas beliau ingin berperanan dalam politik perkauman di Malaysia.

“Pertama sekali, saya tak tahu siapa yang memberikan beliau status Penduduk Tetap (PR), tetapi sebagai penduduk tetap, beliau tidak boleh menyertai politik.

“Beliau boleh berdakwah, tetapi beliau tidak berbuat begitu...beliau bercakap mengenai soal menghantar orang Cina pulang ke China, orang India pulang ke India, itu bagi saya adalah satu langkah politik,” kata Dr Mahathir pada Kongres Perangkaan Dunia ke-62 anjuran International Statistical Institute (ISI) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, sudah menjadi budaya rak

**■ Dr Zakir Naik bebas mengajar mengenai Islam, tetapi tidak boleh sentuh isu perkauman**



## Kerajaan kekal keputusan perbaharui lesen Lynas

**Kuala Lumpur:** Tun Dr Mahathir Mohammad berkata, kerajaan akan tetap berpegang kepada keputusan berhubung pembaharuan lesen operasi kilang nadir bumi, Lynas Malaysia Sdn Bhd dan akan mengikut pandangan pakar serta saintis yang memahami mengenai bahaya sisa radioaktif.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak boleh selalu mendengar pandangan popular terutama apabila ada segelintir pihak menggunakan media alternatif untuk menyuarakan idea mereka hingga siapapun yang menentang akan dikecam.

“Sekarang saya mahu mengikut apa yang dilaporkan oleh pakar. Jika ia bahan sangat berbahaya, maka kita tentu akan menyelesaikannya. Tetapi laporan itu mengatakan bahawa (ia) tidak berbahaya...sisa diletakkan di satu tempat sahaja.

“Mungkin ada satu penumpuan...kita bersedia untuk menyurainya, tetapi kita tidak boleh eksport kerana tiada siapa yang mahu menerimanya, dan kita tidak boleh membuangnya ke laut juga kerana ikan akan mati. Jika betul, kita mahu mengikut pandangan pakar,” katanya.

“Beliau boleh berdakwah, tetapi beliau tidak berbuat begitu...beliau bercakap mengenai soal menghantar orang Cina pulang ke China, orang India pulang ke India, itu bagi saya adalah satu langkah politik”

*Dr Mahathir Mohamad*

yat negara ini yang sangat berhati-hati bila mereka bercakap mengenai perkauman yang sensitif pada komuniti lain.

“Saya tak pernah sebut perkara sebegitu...tidak pernah meminta orang Cina pulang, tetapi beliau (Zakir) datang ke sini dan meminta mereka pulang (ke China),” katanya.

Beliau berkata, Zakir tersilap langkah mengganggu perasaan perkauman kerana itu polis perlu menyiasat beliau.

“Jadi apa juga tindakan yang kita ambil mesti selaras dengan undang-undang...kerajaan ini menghormati kedaulatan undang-undang,” katanya.

**LAMPIRAN 15**  
**BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 19**  
**TARIKH: 19 OGOS 2019 (ISNIN)**

# Penduduk yakin Lynas penuhi kriteria ditetapkan

Syarikat perlu  
lebih serius  
cari tapak  
pelupusan kekal

**Kuantan:** Penduduk di kawasan Balok yakin Lynas Malaysia Sdn Bhd (Lynas) di Gebeng, di sini, dapat memenuhi kriteria yang ditetapkan kerajaan dalam melanjutkan lesen operasi kilang mungkropses nadir bumi itu.

Ketua Kampung Balok, Mansor Mokhtar, 48, berkata ketetapan itu menyebabkan Lynas kini perlu lebih serius khususnya dalam mencari Tapak Pelupusan Kekal (PDF) bagi residu Water Leach Purification (WLP), seperti yang disyaratkan kerajaan.

"Saya yakin Lynas boleh memenuhi syarat itu kerana sebelum ini pun, apabila ditetapkan syarat, mereka sedaya upaya mengikutnya. Keputusan kerajaan menyambung lesen juga baik bukan hanya untuk pekerja Lynas,

tetapi juga bagi pembangunan kawasan sekitar.

"Lynas perlu menggunakan sebaiknya tempoh enam bulan ini untuk menerangkan dengan lebih jelas mengenai operasi mereka kepada orang awam, yang mungkin tidak mendapat maklumat sebenar," katanya.

Pada 15 Ogos lalu, kerajaan melanjutkan lesen operasi Lynas, yang sepatutnya tamat September ini, kepada enam bulan dengan syarat membina PDF, mengemukakan perancangan pembinaan kemudahan 'cracking and leaching' dan menamatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan penggunaan semula residu WLP sebagai CondiSoil dalam bidang pertanian.

Seorang lagi penduduk Kuantan, Datuk Shaharuddin Sham-suddin, 69, menyifatkan keputusan kerajaan itu sebagai 'memberi kelegaan' kepada 1,000 pekerja Lynas, yang kebanyakannya terdiri daripada rakyat tempatan.

Katanya, berdasarkan pengalaman sendiri, operasi Lynas yang



*Lynas perlu  
guna tempoh  
enam bulan ini untuk  
menerangkan dengan  
lebih jelas mengenai  
operasi mereka.*

**Mansor Mokhtar,  
Ketua Kampung Balok**

beroperasi sejak 2012 banyak memberikan limpahan ekonomi di kawasan setempat seperti penduduk selain turut aktif melakukan tanggungjawab sosial ko-

rporat di kawasan sekitar.

"Kami amat berharap Lynas dan kerajaan negeri Pahang dapat mencapai persetujuan dalam tapak PDF dalam tempoh disyaratkan supaya kilang itu boleh teroperasi," katanya.

Bagi Bahazelan Abd Wahab, 65, yang menyokong keputusan kerajaan berkata, sudah pasti mereka di Balok akan terus menentang operasi Lynas jika mendapat operasinya tidak selamat kepada penduduk berhampiran.

Beliau berkata tidak pernah mendengar ada penduduk yang sakit disebabkan operasi kilang itu sejak ia mula beroperasi sejak tujuh tahun lalu.

"Kami bukan penduduk kampung yang langsung tidak faham dengan operasi kilang itu. Ramai juga di antara kami yang terdiri daripada golongan terpelajar.

"Malah, kami sendiri telah mendengar banyak penerangan oleh mereka yang terpelajar dalam hal ini dan semuanya mengatakan operasi Lynas mengikut peraturan dan selamat," katanya.

BERNAMA

**LAMPIRAN 16**  
**BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 19**  
**TARIKH: 19 OGOS 2019 (ISNIN)**

# 500 bantah kerajaan lanjut lesen operasi

**Kuantan:** Kira-kira 500 orang berhimpun di Taman Gelora, di sini, semalam, bagi membantah tindakan kerajaan membenarkan lesen operasi Lynas Malaysia Sdn Bhd diperbaharui selama enam bulan lagi.

Perhimpunan 818 bersempena tarikh berlangsungnya bantahan itu sejak jam 7 pagi, berakhir kira-kira tiga jam kemudian.

Perhimpunan itu turut dihadiri Ahli Parlimen Bentong, Wong Tack; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teruntum, Sim Chon Siang dan ADUN Semambu, Lee Chean Chung.

Perhimpunan yang dianjurkan kumpulan anti-Lynas, Save Malaysia Stop Lynas (SMSL), itu turut bertindak mengoyak Manifesto Pakatan Harapan (PH) pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) lalu selepas gagal menunaikan janji mentadbir negara berlandaskan prinsip kemampunan.

Pengerusinya, Tan Bun Teet, berkata tindakan kerajaan membenarkan Lynas beroperasi sudah melanggar janji nombor 39 dalam manifesto di mana PH berikrar untuk mentadbir negara berlandaskan prinsip kemampunan.

"Pada perhimpunan pagi ini peserta bertindak mengoyak kertas manifesto sebagai simbolik kerana tindakan kerajaan mem-



**Peserta berhimpun secara aman** di Taman Gelora Lama, di Kuantan, semalam.

[Foto Farizul Hafiz Awang/BH]

buat pusingan U dalam isu Lynas.

"Sepatutnya, kami membakar manifesto berkenaan, tetapi, selepas mendapat nasihat daripada pelbagai pihak, kita hanya mengoyakkan sahaja sebagai tanda tidak berpuas hati dengan keputusan kerajaan itu," katanya.

Bun Teet berkata, keputusan kerajaan itu juga berkemungkinan akan memberi kesan kepada PRU-15 nanti.

"Ini kerana, banyak perkara yang dijanjikan oleh kerajaan sebelum ini diketepikan oleh kerajaan PH dan itu memberi ketidakpuasan rakyat terutama berkaitan isu Lynas," katanya.

Beliau berkata, mereka berharap 39 pemimpin PH yang mendaratanganaku janji membatakan Lynas supaya membantah tindakan kerajaan ini.

"Kita bercadang untuk membuat semakan kehakiman terha-

dap keputusan kerajaan yang membenarkan Lynas beroperasi enam bulan lagi," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kuantan, Asisten Komisioner Mohamad Noor Yusof Ali, berkata, pihaknya akan memanggil beberapa individu termasuk pengajur perhimpunan itu bagi membantu siasatan kerana tidak mematuhi peruntukan mengikut Akta Perhimpunan Aman (APA) 2012.

**LAMPIRAN 17**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 3**  
**TARIKH: 19 OGOS 2019 (ISNIN)**

## Rompin sangat tidak sihat selepas Sri Aman

**Kuala Lumpur:** Rompin, Pahang menjadi lokasi kedua selepas Sri Aman, Sarawak yang merekodkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) kategori sangat tidak sihat setakat jam 4 petang, semalam.

Berdasarkan data di laman web Sistem Pengurusan Indeks

Pencemaran Udara Malaysia, Rompin mencatatkan bacaan IPU 223 berbanding 80 pada jam 11 malam, kelmarin.

Kawasan Sri Aman pula masih merekodkan bacaan IPU sangat tidak sihat iaitu 252.

Kualiti udara di kawasan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Miri,

Sarawak pula semakin baik iaitu dari kategori sangat tidak sihat kepada tidak sihat dengan bacaan IPU 161.

Hanya empat kawasan iaitu Tawau, Sandakan (Sabah) serta Kapit dan Limbang (Sarawak) mencatatkan bacaan IPU kategori baik antara 33 hingga 48.

Selain itu, bacaan IPU di 61 kawasan lain di seluruh negara adalah pada tahap kategori sederhana.

Bacaan IPU antara 0 hingga 50 menunjukkan kualiti udara sihat, 51 hingga 100 (sederhana), 101 hingga 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (sangat tidak sihat) manakala 300 ke atas berbahaya.

PEMANDANGAN waktu pagi Kuala Lumpur kelihatan berjerebu.



**LAMPIRAN 18**  
**BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 13**  
**TARIKH: 19 OGOS 2019 (ISNIN)**

## Rompin, Sri Aman catat IPU sangat tidak sihat

**Kuala Lumpur:** Rompin, Pahang dan Sri Aman, Sarawak mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) sangat tidak sihat semalam.

Berdasarkan data Jabatan Alam Sekitar (JAS) setakat jam 5 petang semalam, IPU di Sri Aman mencatatkan bacaan 252, manakala di Rompin pada 223.

Bagaimanapun, IPU di Stesen Pengawasan Udara Automatik di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Miri menunjukkan penurunan kepada kategori tidak sihat dengan bacaan 161 berbanding 221 dicatatkan kelmarin.

Empat kawasan di Sabah dan Sarawak, iaitu Tawau, Sandakan, Limbang dan Kapit mencatatkan

bacaan IPU baik, manakala 61 lagi stesen IPU di seluruh negara mencatatkan bacaan sederhana.

Bacaan IPU 0-50 menunjukkan kualiti udara sihat; 51-100, sederhana; 101-200, tidak sihat; 201-300, sangat tidak sihat dan melebihi 300, berbahaya.

Di Miri, Ketua Polis Miri, Asisten Komisioner Lim Meng Seah, berkata belum ada individu atau kumpulan disyaki melakukan pembakaran terbuka sehingga menyebabkan jerebu serius di utara Sarawak, ditahan pihaknya.

"Laporan kejadian itu sudah dibuat beberapa penduduk Miri dan dalam perbuatan itu jika ditahan, akan disiasat mengikut di Seks-



yen 435 Kanun Keseksaan kerana melakukan khianat dengan api," katanya kepada BH, semalam.

Dalam perkembangan berkaitan, masalah jerebu di kawasan Senadin, Kuala Baram dan Permyjaya tidak berubah kerana kebakaran hutan paya gambut yang serius.

Ketua Jabatan Bomba dan Penyelamat Miri, Law Poh Kiong, berkata berlaku kebakaran hutan yang serius di sepanjang jalan Kuala Baram menuju ke Jambatan Asean.

Di Shah Alam, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Kandis, Mohd Zawawi Ahmad Mughni, berkata skuad khas ditugaskan memantau dan mena-

ngani pembakaran terbuka di Johor Setia banyak membantu memastikan kawasan itu tidak terjejas teruk dengan jerebu.

"Skuad khas bertanggungjawab melapor pembakaran terbuka di sekitar Johan Setia kepada pihak berkuasa. Biasanya, pembakaran kebun di kawasan itu dilakukan sekirat jam 6 petang, pembakaran sampah pula sebelah malam.

"Skuad ini sentiasa bergerak dan akan maklum segera pembakaran terbuka kepada bomba atau Jabatan Alam Sekitar," katanya mengulas keadaan terkini di kawasan itu susulan kualiti udara agak merosot kebelakangan ini.

**LAMPIRAN 19**  
**BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 13**  
**TARIKH: 19 OGOS 2019 (ISNIN)**

# Air dua sungai hitam, berbusuk

Penduduk Kampung Perigi Acheh bimbang bau busuk, mata pedih

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_noth@bh.com.my

**Pasir Gudang:** Dua lagi sungai di Kampung Perigi Acheh, dekat sini, bertukar menjadi hitam dan berbau busuk sejak pertengahan bulan lalu sekali gus mewujudkan keimbangan baru dan menambah angka sungai tercemar di kawasan berkenaan.

Tinjauan **BH** di kawasan Sungai Daing mendapati air sungai itu bukan sahaja berwarna hitam pekat, malah baunya busuk menyebabkan rasa mual dan pedih mata apabila terdedah kepada persekitaran sungai berkenaan.

Ketua Kampung Perigi Acheh, Othman Adon, 56, berkata keadaan Sungai Daing dan Kopok yang terletak di kampung berkenaan semakin kritis sejak April lalu.

Beliau berkata, air di kedua-dua sungai itu bertukar menjadi kehitaman, berminyak, berbuih dan berbau busuk menyebabkan kira-kira 60 nelayan di kampung berkenaan kehilangan punca pendapatan apabila hidupan akutik di situ kini semakin pupus.

"Tahun ini sahaja sebanyak 12 kali kejadian hidupan sungai, terutama ikan dan udang mati terrapung dipercaya akibat pencemaran di Sungai Daing dan Sungai Kopok.

"Bermula Januari lalu hingga sekarang bangkai ikan dan udang terrapung menyebabkan nelayan kehilangan pendapatan.

"Lebih menyedihkan Sungai Daing dan Kopok kini airnya hi-



Othman menunjukkan air Sungai Daing bertukar hitam Kampung Perigi Acheh, Pasir Gudang, semalam.

(Foto Zain Ahmed/BH)



Othman menunjukkan sisa buangan kilang dipercaya bertoksik berhampiran Sungai Daing, Kampung Perigi Acheh, Pasir Gudang.

tam pekat, berminyak menyebabkan sungai yang dulu kaya dengan udang, siakap, ketam dan sijut kini pupus sepenuhnya," katanya pada sidang media di Jeti Sungai Kopok, dekat sini, semalam.

Othman dan penduduk kampung turut menunjukkan keadaan menyedihkan Sungai Daing di kampung itu yang terletak kira-kira satu kilometer dari kawasan industri yang menempatkan lebih 20 kilang, termasuk kilang kimia di situ.

Othman berkata, penduduk kampung berharap pihak berkuasa mengambil tindakan segera selepas pencemaran di dua sungai berkenaan menjadi lebih kritis seperti Sungai Kim Kim.

"Sejak April lalu, kami sudah membuat aduan kepada pihak berkuasa, termasuk laporan polis bagi memastikan sungai ini tidak menerima nasib yang sama seperti Sungai Kim Kim."

"Kampung Perigi Acheh adalah titik tengah pertemuan tiga sungai iaitu Sungai Kim Kim, Sungai Daing dan Sungai Kopok," katanya.

Beliau juga menunjukkan 'lalu-tikus' di kampung berkenaan yang dijadikan tempat pembuangan hampir 100 bungkusan bahan berseruk disyaki sisa toksik.

Katanya, penduduk kampung menyedari kewujudan kawasan pembuangan berkenaan kelmarin sebelum membuat laporan polis.

"Kawasan pembuangan ini terletak hanya 500 meter dari Sungai Kopok dan ia sangat membahayakan penduduk kampung.

"Melihat keadaannya, ia seperti sudah lama wujud berikutnya bahan buangan dibuang di sini. Kami syak aktiviti pembuangan dilakukan ketika waktu malam kerana ia tidak disedari penduduk sehingga semalam (kelmarin)," katanya.

**LAMPIRAN 20**  
**THE STAR (NATION): MUKA SURAT 4**  
**TARIKH: 19 OGOS 2019 (ISNIN)**

# Dr M: Govt will go with expert view

## We cannot always give in to popular view, says prime minister

By LOH FOON FONG  
and ONG HAN SEAN  
newsdesk@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** Despite protests against the government's decision to allow Lynas Corp's rare earth operations to continue in the country, the Prime Minister defended it by saying that the government will go with the expert view.

Tun Dr Mahathir Mohamad said the government had sent scientists to examine the operations in Gebeng, Pahang, and found there was no danger but some people insisted that it was dangerous.

"That is very difficult for the government to decide because popular view is one thing, experts' view is another.

"Do you go by popular view or experts' view? If you go by popular view, there is nothing we can do because every time we propose to do something there will be people who will be against it," he said, adding that this was akin to the protest against the government when it initially wanted to build the Penang bridge.

Dr Mahathir said that if the experts had said the material is dangerous, the government

**“**That is very difficult for the government to decide because popular view is one thing, expert's view is another.

**Tun Dr Mahathir Mohamad**

would stop Lynas.

However, the report said it was not dangerous and the government was prepared to disperse the material.

"We cannot export it because no one wants to accept it," he said.

Dr Mahathir said there were 700 people working in the company and they were not afraid nor did they complain.

"Either we get rid of the industry and lose credibility in terms of foreign direct investment, or we can take care of the problem. There is no problem. Actually, the Cabinet has discussed this. The decision is that no one wants to take it if we want to

export it. At the same time we can disperse it so that the concentration is not that big," he said.

Dr Mahathir said the government could not always pander to popular view.

In Kuantan, anti-Lynas groups say they are considering initiating a judicial review of the decision to extend Lynas' operating licence.

The legal basis for such a move would be Lynas' letter of undertaking to remove its residues if necessary, said Save Malaysia, Stop Lynas (SMSL) chairman Tan Bun Teet.

He said there was also the issue of groundwater contamination which was brought up in the executive review committee's report that could be used to challenge the government's decision.

"We are still deliberating on it. The lawyers will look into it and advise us on how to proceed," Tan said after attending a rally at Taman Gelora yesterday.

Lynas, however, had previously explained the commitment was only if the options to research the safe use of the water leach purification (WLP) residue or construct a permanent disposal facility to store the WLP failed.

The rare earth materials produc-

er had also clarified that the letter signed in 2012 was only related to the residue being generated during its two-year temporary operating licence period.

The rally organised by SMSL saw hundreds of protesters showing up from 7am to express their displeasure with the government's decision to grant a six-month licence extension to Lynas.

It featured a show where a cardboard cut-out of a bus with the words "Pakatan Mungkir Janji" and "Bas U-turn Pakatan" on it being carried around in repeated U-turns.

Cardboard faces of Pakatan Harapan leaders Dr Mahathir, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Lim Kit Siang and Mohammad Sabu were put on board the "bus".

Participants also took aim at the silent MPs and assemblymen by chanting the Hakka term "Jon loi lo" which means "come back".

Tan said when the government made a U-turn, many of the elected representatives who previously opposed Lynas had kept quiet, which was why they cheered at them to come back.

The rally ended with several participants tearing up Promise 39 of the Pakatan manifesto, which stated

Pakatan's commitment to protect the welfare of the people and environmental sustainability, as well as not to be dictated by large corporations and their crony capitalists.

Kuantan district police chief Asst Comm Mohamad Yusof Ali said he was informed that the rally had not received consent from the owner of Taman Gelora.

The matter was confirmed by Kuantan Municipal Council (MPK) president Datuk Hamdan Hussin on Saturday.

"This rally did not meet provisions under the Peaceful Assembly Act 2012. I wonder why they still continued with the rally when all the necessary requirements had been clearly stated."

"We will file a police report for appropriate action to be taken," he told reporters yesterday.

ACP Mohamad Noor said the need for approval of the venue owner was explained at an hour-long meeting with five SMSL representatives, including Tan, on Aug 7 at the Kuantan district police headquarters.

**Watch the video**  
[thestartv.com](http://thestartv.com)





**LAMPIRAN 21**  
**THE STAR (NATION): MUKA SURAT 4**  
**TARIKH: 19 OGOS 2019 (ISNIN)**

## Balok residents confident Lynas will fulfil govt conditions

**KUANTAN:** The residents in Balok are optimistic that Lynas Malaysia Sdn Bhd (Lynas) will meet the three conditions set by the government in renewing its operating licence for another six months.

Kampong Balok chief Mansor Mokhtar, 48, said the decision should push Lynas to take more serious action in finding the permanent deposit facility (PDF) for water leach purification (WLP) residue, as required by the government.

"I believe Lynas can meet the conditions set because prior to this, whenever they were given conditions to comply with, they were working hard to do that."

"The government's decision to

renew the licence is good not only for Lynas employees but also for the development of the surrounding area.

"Lynas needs to use this six-month period to better explain its rare earth processing plant here to the public, which may not have obtained the correct information," he said when contacted by Bernama here yesterday.

On Aug 15, the government renewed Lynas' licence for another six months, but with three conditions, namely, Lynas will have to identify a specific site to construct a PDF and to obtain written permission from the state government for the use of that site.

Lynas will also have to end all research and development activities related to the use of the radioactive WLP residue known as Condisoil in agriculture.

Another Kuantan resident, Datuk Shaharuddin Shamsuddin, 69, described the government's decision as a relief to 1,000 Lynas employees, many of whom were locals.

He said, based on his own experience, the Lynas plant which has been operating since 2012 has provided a wealth of economic benefits to the local population, apart from being active in its corporate social responsibility towards those living in the surrounding area.

"We sincerely hope Lynas and the Pahang government can reach an agreement on the PDF site within the required time frame so that the plant can continue to operate," he said.

Bahazelan Abd Wahab, 65, who expressed his support for the government's decision, said he was sure the residents in Balok would continue to oppose the Lynas operation if they found it was unsafe for nearby residents.

However, he claimed that he had not heard of anyone falling ill due to the plant's operations in the past seven years.

"We are not villagers who are clueless about the plant's operations

as there are educated people among us here.

"In fact, we have heard explanation by those who are educated who informed us that Lynas operations are conducted in a safe and orderly manner," he said.

Pahang Youth Council president Wan Emril Nizam Wan Embong said Lynas could benefit from a trade war between the United States and China, which would indirectly benefit Malaysia.

It was widely known that Lynas provided an option for the industry to obtain rare earth material apart from China, so Malaysia would benefit from it as well, he said. — Bernama

**LAMPIRAN 22**  
**NEW STRAITS TIMES (NEWS / NATION): MUKA SURAT 4**  
**TARIKH: 19 OGOS 2019 (ISNIN)**

IN THE SOUP

# POLICE TO CALL IN RALLY ORGANISERS

Anti-Lynas protest organisers fail to fulfil conditions on assembly venue

T.N. ALAGESH  
KUANTAN  
news@nst.com.my

**T**HE anti-Lynas rally organisers may find themselves in trouble as the gathering at Taman Gelora here yesterday was held without approval from the local authorities.

Although the police were informed, the organisers did not receive a green light from the Kuantan Municipal Council (MPK) which oversees the assembly venue in Taman Gelora.

District police chief Assistant Commissioner Mohd Noor Yusof Ali said the organisers had failed to fulfil the conditions stipulated under the Peaceful Assembly Act 2012.

He said police would be calling in the organisers along with several other individuals involved in the gathering to facilitate investigations.

"The gathering does not comply with conditions under the Peaceful Assembly Act 2012. During a meeting with the police on Aug 7, the organisers and their lawyers agreed to obtain consent from MPK. I had explained to them the rules for the gathering.

"Today (yesterday), they continued the gathering without proper approval. I was told that



Bentong member of parliament Wong Tack (fourth from right) at the anti-Lynas protest at Taman Gelora in Kuantan yesterday. With him is Teruntum assemblyman Sim Chon Stang (second from right). PIC BY FARIZUL HAFIZ AWANG

the organisers' initial application was rejected by MPK, before filing an appeal. I had met MPK president (Datuk Hamdan Hussin) on Saturday and he told me no approval was given," he said after the rally here yesterday.

Noor Yusof said the organisers might have to face the consequences for their action and police would complete their probe before forwarding the investigation papers to the deputy public prosecutor for further action.

On Friday, it was reported that

the anti-Lynas protest was facing uncertainties as the organisers had yet to comply with the Peaceful Assembly Act 2012.

Noor Yusof was quoted as saying that the organisers had to obtain consent from the owner or occupier of the venue of assembly.

Save Malaysia Stop Lynas chairman Tan Bun Teet said the organisers had applied to MPK two weeks ago but did not receive any reply.

Tan urged Pakatan Harapan (PH) members of parliament,

who had previously signed the Harvest of Hope for Malaysia campaign in 2012, to look into the pledges they made on the Lynas rare earth plant.

He said some MPs who had signed a pledge to shut down Lynas when they were part of the opposition before the 14th General Election had now gone quiet.

"We want them (elected representatives) to realise their mistakes (their pledge on Lynas) and... voice out on behalf of the people and stand together with

the people," he said after the rally here.

Tan said to further their cause against the rare earth plant, several environmental non-governmental organisations would jointly initiate a judicial review seeking to dismiss the government's decision to grant the six months' operating licence renewal to Lynas.

More than 400 people turned up at the anti-Lynas rally, which was held at the park in Taman Gelora here.

Besides protesters carrying placards and banners demanding the government take action against Lynas, the event, which began at 7.30am, also featured a mock bus made from cardboard written "Pakatan Mungkir Janji" ("Pakatan breaks promise") and "Bas U-Turn Pakatan" with cut-out pictures of Pakatan Harapan component party leaders on board.

The mock bus made repeated U-turns on the stage to symbolise the government's U-turn on its manifesto.

There were tense moments when a group of Parti Sosialis Malaysia members suddenly marched forward towards Bentong member of parliament Wong Tack while he was speaking to the media and demanded that PH fulfil its promise on Lynas.

No untoward incident was reported at the rally, which ended at 9.30am.

Present were Teruntum state assemblymen Sim Chon Siang, Semambu state assemblyman Lee Chean Chung and Sungai Pelek assemblyman Ronnie Liu.



**LAMPIRAN 23**  
**NEW STRAITS TIMES (NEWS / NATION): MUKA SURAT 4**  
**TARIKH: 19 OGOS 2019 (ISNIN)**

## Lynas plant is not Chernobyl, says prime minister

**KUALA LUMPUR:** Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad has dismissed criticism against Lynas' operations in Malaysia, saying that the rare earth processing plant "is not Chernobyl".

Experts, he said, had inspected the Lynas Malaysia Sdn Bhd (Lynas Malaysia) plant in Gebeng, Kuantan, and established that it posed no danger.

"We (the public) are insisting that it is dangerous. So it is difficult for the government to decide."

"But reports say it's not dangerous. It's not Chernobyl. This isn't going to be dangerous," he said after the World Statistics Congress 2019 opening ceremony here yesterday.

Present were Economic Affairs Minister Datuk Seri Mohamed Azmin Ali and Bank Negara Malaysia Governor Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus.

Dr Mahathir said the "700 highly-qualified people" working at the plant were not afraid, yet some "neighbours" were the ones complaining.

The government, he said, had a choice to make and noted that the matter had been discussed by the cabinet.

"We either get rid of this industry and lose credibility in terms of dealing with foreign direct investments or we go ahead and take care of what is considered to be a problem."

"We can take care of that problem. There is no problem."

He said the people would always have something to disagree about, adding that the government could not always take the popular view.

"If we continue with the popular view, there's nothing we can do, because every time we propose something, there will be some people who are against it."

"Remember the Penang bridge? When we wanted to build it, there was so much opposition to it. Then they want to build a second bridge and now they want to build a tunnel."

Dr Mahathir said the government was prepared to disperse

waste from the plant.

"We cannot export it because no one wants to accept it. We cannot throw it into the sea because fish will die, if it is true."

"We can disperse some of the waste in places so that the concentration is not too high."

On Thursday, Australian rare earth company Lynas Corp's operating permit was renewed for another six months, with three conditions.

Lynas has been embroiled in controversy for several years, with environmentalists and Pakatan Harapan politicians protesting against the plant and calling for its closure.

Critics were concerned about

the potential adverse health effects that the radioactive waste would have on communities and the environment.

Lynas' permit renewal became a hot topic given that it is the world's only major producer of rare earth outside China.

Earlier, Dr Mahathir said Malaysia was committed towards achieving the 17 Sustainable Development Goals set by the United Nations General Assembly.

He said the government was mobilising efforts with other countries to end all forms of poverty, to fight inequalities and to tackle climate change, while ensuring that no one was left behind.

**LAMPIRAN 24**  
**THE SUN DAILY (WORLD): MUKA SURAT 7**  
**TARIKH: 19 OGOS 2019 (ISNIN)**

## Iceland commemorates first glacier lost to climate change

**REYKJAVIK:** Iceland yesterday honoured the passing of Okjokull, its first glacier lost to climate change, as scientists warn that some 400 others on the subarctic island risk the same fate.

A bronze plaque will be unveiled in a ceremony to mark Okjokull, which translates to "Ok glacier", in the west of Iceland in the presence of local researchers and their peers at Rice University in the United States, who initiated the project.

"This will be the first monument to a glacier lost to climate change anywhere in the world," Cymene Howe, associate professor of anthropology at Rice University, said in July.



The plaque bears the inscription "A letter to the future," and is intended to raise awareness about the decline of glaciers and the effects of climate change.

"In the next 200 years all our glaciers are expected to follow the same path. This monument is to acknowledge that we know what is happening and what needs to be done. Only you know if we did it," the plaque reads.

It is also labelled "415 ppm CO<sub>2</sub>," referring to the record level of carbon dioxide measured in the atmosphere last May.

"Memorials everywhere stand for either human accomplishments, like the deeds of historic figures, or the losses and deaths we recognise as important. By memorialising a fallen glacier, we want to emphasise what is being lost or dying, the world over and also draw attention to the fact that this is something that humans have 'accomplished', although it is not something we should be proud of."

Howe noted that the conversation about climate change can be abstract, with many dire statistics and sophisticated scientific models that can feel incomprehensible. – AFP



Top: A NASA handout taken on Sept 7, 1986 shows the Okjökull glacier atop the Ok Volcano. Below: An image taken on Aug 1, 2019 shows the top of the Ok Volcano where the Okjökull glacier has melted away. – AFPPIX